



YAYASAN ISLAM KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor - kontraktor tempatan yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) / CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (Taraf Bumiputera) untuk menyertai tawaran seperti berikut:-

CADANGAN KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH PENDAWAIAN ELEKTRIK DAN MENAMBAHBAIK KEPERLUAN FASILITI DI PUSAT LATIHAN KOKURIKULUM YAYASAN ISLAM KELANTAN

NO SEBUT HARGA	TARAF / SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH, TEMPAT TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TARIKH, TEMPAT PENJUALAN & HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
YIK(S)100-10/5/125 (01)	➤ CIDB Gred G1 ➤ Pengkhususan : CE21 ➤ Sijil Perolehan Kerja kerajaan (SPKK) ➤ Mempunyai Perakuan Pendaftaran (PKK) dengan CIDB ➤ Sijil Taraf Bumiputera dengan PKK	8/7/2026 (Rabu) Pendaftaran: 10.00 pagi hingga 11.00 pagi Taklimat Sebutharga: 11.00 pagi Tempat: Pusat Latihan Kokurikulum YIK Jelor, Pasir Puteh, Kelantan Lawatan ke tapak projek akan diadakan selepas taklimat	9/7/2026 Hingga 16/7/2026 Tempat: Unit Pembangunan, Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan, Peti Surat 248, Lebuhraya Tunjung - Pasir Mas, 16010 Kota Bharu, Kelantan Harga Dokumen: RM50.00 (Tidak akan dikembalikan)	16/7/2026 Sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari
*Sila bawa cop syarikat semasa membeli dokumen sebut harga				

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah tempohnya** untuk semakan semasa menghadiri sesi taklimat sebut harga :-
 - i. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB
 - ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPPK) oleh CIDB
 - iii. Sijil Taraf Bumiputera dengan PKK

Satu salinan fotostat **Sijil-sijil Asal** bagi dokumen di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan Yayasan Islam Kelantan. Yayasan Islam Kelantan berhak menolak permohonan yang pada tanggapan Yayasan Islam Kelantan tidak layak.

3. **Kontraktor yang berminat diwajibkan hadir taklimat sebut harga seperti alamat di atas dan Wakil Syarikat adalah tidak dibenarkan untuk menghadiri taklimat sebut harga. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dengan mengemukakan Kad Pengenalan, Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPPK) oleh CIDB dan Sijil Taraf Bumiputera dengan PKK untuk pengesahan. Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan.**
4. Hanya kontraktor yang menghadiri taklimat sebut harga sahaja dibenarkan membeli dokumen sebut harga. Jika didapati ada syarikat yang tidak menghadiri taklimat sebut harga tetapi membeli dokumen sebut harga, pihak Yayasan Islam Kelantan berhak menolak permohonan tersebut. Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat mulai 9 Julai 2026 sebagaimana waktu yang berikut:

Ahad hingga Rabu	-	8.30 pagi hingga 4.30 petang
Khamis	-	8.30 pagi hingga 1.00 petang
5. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.**
6. **Yayasan Islam Kelantan tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. Yayasan Islam Kelantan berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.**
7. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. sebut harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **peti sebut harga** seperti alamat di bawah :

**UNIT PEMBANGUNAN
YAYASAN ISLAM KELANTAN
PETI SURAT 248, LEBUHRAYA TUNJUNG - PASIR MAS, 16010 KOTA BHARU, KELANTAN**

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari.

8. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak.